From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: EMPAT RG SMMTC UUM TERJAH KOMUNITI TERPENCIL DI PULAU DAYANG BUNTING, LANGKAWI
Date: Sunday, 16 August, 2026 12:08:34 PM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

16 OGOS 2026 / 3 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam

EMPAT RG SMMTC UUM TERJAH KOMUNITI TERPENCIL DI PULAU DAYANG BUNTING, LANGKAWI



UUM ONLINE: LANGKAWI – Sebanyak empat Kumpulan Penyelidik (RG) di bawah Unit Penyelidikan Inovasi Multimedia dan Kemanusiaan Digital (MIDHRU), Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM) meneruskan agenda pemindahan ilmu, penyelidikan, penerbitan dan tanggungjawab sosial universiti menerusi Program UUM Terjah Pulau Dayang Bunting, Langkawi: Komuniti Celik Digital yang berlangsung pada 10 hingga 12 Ogos 2026.

Program melibatkan RG I-MeDiX, RG WebX, RG GameX dan RG DR Lab dengan penglibatan komuniti di Kampung Selat Bagan Nyior, Kampung Lubuk Cempedak serta Sekolah Kebangsaan (SK) Selat Bagan Nyior.

Tujuannya adalah untuk meningkatkan literasi dan kemahiran digital komuniti, khususnya dalam bidang multimedia, di samping mengenal pasti keperluan komuniti terpencil ini mengenai teknologi digital dalam konteks pendidikan, kehidupan seharian dan aktiviti ekonomi masyarakat setempat.

Pasukan UUM yang terdiri daripada 15 orang penyelidik telah mengadakan sesi perbincangan kolaborasi bersama Ketua JPKKP Kampung Selat dan Teluk Cempedak serta barisan jawatankuasa bagi memahami keperluan dan potensi pembangunan komuniti. Lawatan ke beberapa IKS tempatan turut dilaksanakan bagi mengenal pasti keperluan penggunaan teknologi digital, khususnya dalam aspek pemasaran produk. Aktiviti *plogging* juga turut dijalankan bersama penduduk kampung.

Sementara itu, pengisian di SK Selat Bagan Nyior memberi fokus kepada pemindahan ilmu digital kepada murid dan guru. Program tersebut telah dirasmikan oleh Prof. Ts. Dr. Sobihatun Nur Abdul Salam selaku Pengarah Program dan Ketua MIDHRU dalam sesi perhimpunan pagi di sekolah tersebut.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Bengkel Pembangunan Kandungan Digital menggunakan Canva, Bengkel Pembangunan Video Pendek Dalam Talian, *User Trial* Aplikasi Permainan Digital serta Bengkel Literasi AI/Metaverse.

Guru Besar SK Selat Bagan Nyior, Madam Nora menzahirkan penghargaan kepada UUM atas kesudian berkongsi kepakaran dan ilmu bersama warga sekolah.

“Terima kasih sudi datang berkongsi kepakaran ilmu dan praktikal kepada warga sekolah kami. Kami sangat berbesar hati dan jemput datang lagi di masa hadapan,” katanya.



Pengisian tersebut memberi pendedahan kepada murid dan guru untuk meneroka teknologi multimedia dan AI secara kreatif bagi menyokong proses pembelajaran dan pengajaran.

Bagi komuniti dan pengusaha IKS pula, program ini membuka ruang perkongsian kepakaran UUM dalam mengenal pasti potensi teknologi digital untuk meningkatkan keterlihatan dan pemasaran produk tempatan.

Dr. Sobihatun berkata, selain pemindahan ilmu, program ini turut mengintegrasikan kaedah penyelidikan iaitu kajian awalan di lapangan bersama komuniti melalui temu bual, diskusi kumpulan berfokus (FGD) serta ujian pra dan pos bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan keperluan, cabaran serta penerimaan komuniti terhadap penggunaan teknologi multimedia dan alatan kepintaran buatan (AI).

Menurutnya, data yang dikumpulkan sepanjang penglibatan bersama komuniti dan warga sekolah akan menjadi asas kepada pengembangan penyelidikan oleh empat RG yang terlibat.

Hasil daripada kajian lapangan tersebut, program ini menyasarkan penghasilan tiga artikel jurnal serta pembangunan dua cadangan penyelidikan untuk kajian susulan yang lebih mendalam. Pendekatan ini membolehkan aktiviti khidmat komuniti diterjemahkan kepada output penyelidikan yang memberi nilai Return on Value (ROV) kepada universiti serta komuniti.

Berteraskan dimensi *Community Development & Socio-Cultural*, program ini turut menyokong Sustainable Development Goal (SDG) 4: *Quality Education*, sekali gus memperkukuhkan komitmen SMMTC dalam membawa kepakaran UUM mendekati masyarakat.

Program tiga hari ini membuktikan peranan universiti dalam menghubungkan kepakaran akademik, penyelidikan dan keperluan sebenar masyarakat, sekali gus menjadikan ilmu, teknologi dan inovasi sebagai pemangkin kepada pembentukan komuniti yang celik digital, berdaya saing dan berdaya tahan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.